

UM 11/6/2008 m.sNo.9

## Malaysia contoh persefahaman kaum, agama - Bondevik

KUALA LUMPUR 10 Jim - Bekas Perdana Menteri Norway, Kjell Magne Bondevik berkata, masyarakat dunia wajar mencontohi Malaysia yang berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan berlainan agama serta membentuk persefahaman antara mereka.

Menurutnya, Malaysia yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum dan agama boleh

menjadi contoh yang baik bagi negara-negara lain untuk mengurangkan ketegangan antara agama.

Jelasnya, nilai-nilai yang disematkan di hati rakyat Malaysia telah membantu mengurangkan ketegangan di kalangan mereka.

Usaha yang dilakukan Malaysia itu, jelas beliau, boleh diterjemahkan di peringkat

antarabangsa bagi membantu merapatkan jurang antara umat Islam dan Barat.

"Adalah penting untuk menyatukan sesama manusia... bagaimana hendak hidup bersama perbezaan masing-masing dengan menumpukan kepada nilai-nilai sejagat sebagai landasan bagi perdamaian dan keamanan," katanya.

Beliau berucap pada Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat pada hari terakhir di sini hari ini.

Menurut Bondevik, sesuatu konflik dan keganasan bermula daripada perbuatan menghina dan pencerobohan seperti yang berlaku di Iraq dan Palestin.

Katanya, rasa penghinaan itu turut wujud

apabila budaya dan agama gagal memberikan impak yang signifikan dan dipandang rendah

Sehubungan itu, beliau percaya, tugas utama yang perlu dilaksanakan kini adalah untuk membina dunia yang lebih adil dengan tiada sesiapa pun ditindas serta dipandang hina.